

Lupus ubat lebih selamat



TONG pelupusan ubat-ubatan disediakan untuk pengguna.

ALPRO Pharmacy antara rangkaian farmasi preskripsi terbesar di Malaysia melancarkan Kempen Pelupusan Ubat Dengan Selamat menerusi pelancaran visual yang diilhamkan dari kisah dongeng di saluran sosial media.

Kempen itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan pelupusan ubat dengan cara yang lebih selamat dan kesan buruk jika melupuskan ubat sebagai sampah biasa.

Malah kempen itu disampaikan melalui satu siri grafik yang diinspirasikan daripada watak kisah dongeng kanak-kanak seperti Snow White, Belle dari Beauty and the Beasts, Ariel dari The Little Mermaid, Cinderella dan Ballo beruang dari The Jungle Book.

Alpro Pharmacy menyediakan tong pelupusan ubat untuk pengguna di seluruh negara untuk memudahkan pelupusan ubat-ubatan yang tidak digunakan atau tamat tempoh dengan lebih selamat.

Ahli Farmasi Alpro Pharmacy dan Pengarah Pemasaran Penjenamaan dan Perdagangan, Lee Yin Chen berkata, pihaknya ingin meningkatkan kesedaran mengenai kesan pembuangan ubat-ubatan dengan cara yang tidak betul.

"Kami berharap dengan kempen seperti ini, rakyat lebih sedar dan bijak dalam membuat keputusan ketika mengendalikan ubat yang sudah tamat tempoh atau tidak digunakan.

"Malah kami berharap dapat terus memanfaatkan informasi dalam talian dengan lebih meluas melalui rangkaian yang lebih daripada 165 cawangan di seluruh negara untuk memacu impak positif dalam kalangan masyarakat.

"Diharap juga, ilmu yang dikongsikan akan memberi manfaat dan perubahan yang dibuat akan memberi kesan positif kepada alam sekitar," katanya.

Sebelum melancarkan kempen itu, Alpro Pharmacy dengan kerjasama Universiti Perubatan Antarabangsa dan Universiti Monash dengan menjalankan kaji selidik perintis untuk memahami kesedaran dan pemahaman orang ramai mengenai perkara itu.

Hasil daripada kaji selidik itu menunjukkan bahawa 83.2 peratus responden dalam kajian ini sedar bahawa pengendalian ubat-ubatan yang tidak digunakan secara tidak wajar boleh menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar dan ekosistem.

Manakala 66.4 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak mendapat sebarang bentuk pengetahuan atau kesedaran mengenai kaedah pelupusan ubat-ubatan dengan cara yang betul.

Disiarkan pada: Februari 16, 2022 @ 6:30